

Buletin **MPKK** MAJLIS PERBANDARAN KULIM KEDAH

مجلس برندارن کولیم



EDISI 02/2010

Naskah : Percuma
Boleh dilayari: www.mpkk.gov.my/web/guest/buletin

LESEN PERNIAGAAN

“24 JAM”



novasi



Menarik di dalam

- JOHAN KIK Peringkat Negeri Kedah.
- Hari Bertemu Pelanggan.
- ‘Save The Nature For Future Generation’.
- Program Pembangunan Keusahawanan
- Transformasi MPKK.
- Kaunter Perkhidmatan Pelanggan

Integriti, Cepat & Berkualiti Ke Arah Kecemerlangan



SIDANG PENGARANG

Penasihat

En. Harun Bin Jasin
Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulim

Ketua Pengarang

Pn. Hasnita Bt Mohd Hashim

Timbalan Ketua Pengarang

Cik Munira Bt Abd Rahim

Grafik/Jurugambar

Pn. Zuraida Bt Durani

Sidang Pengarang

En. Hamzah b Abdul Halim
En. Mohd Syarizal b Ishak
En. Halimin b Lahaming

Kami mengalu-alukan sumbangan artikel,
cadangan atau komen anda.

Sila hantarkan sumbangan anda kepada:

Unit Penerbitan,
Bahagian Komunikasi Korporat
Majlis Perbandaran Kulim
Emel : buletin@mpkk.gov.my



Edisi 01/2010

Pejabat :

Majlis Perbandaran Kulim
No 104-120, Lorong Kota Kenari 5/1,
Kota Kenari, 09000 Kulim, Kedah D.Aman
Telefon : 04-4905664/4907526/4906522
Fax : 04-4901443
laman web: www.mpkk.gov.my
laman aduan: aduan.mpkk.gov.my
emel : info@mpkk.gov.my



Perutusan

Alhamdulillah syukur ke hadrat illahi, MPKK telah berjaya menghasilkan buletinnya kali ke-2. Adalah diharapkan buletin ini akan terus meningkatkan kualiti nilai laporannya agar dapat dikongsi bersama.

Selaras dengan kehendak semasa pelanggan, program transformasi MPKK telah berjaya mengubah persepsi orang ramai terhadap MPKK. MPKK telah berjaya membuat transformasi ke atas dua belas perkhidmatannya dan berjaya disampaikan dalam tempoh 24 jam. antaranya, kelulusan pelan bangunan tambahan , lesen perniagaan, sewaan dan beberapa perkhidmatan lain. usaha seterusnya sedang dilaksanakan dengan membuat transformasi ke atas pelaksanaan ICT dalam sistem penyampaian MPKK.

Insyaallah, dalam tempoh terdekat sebahagian operasi MPKK akan dilaksanakan secara "On-line".

Sekian terima kasih.

HARUN BIN JASIN
YANG DIPERTUA

*"Tidak ada sesuatu musibah yang menimpah (seseorang) kecuali dengan izin Allah;
Dan barang siapa beriman kepada Allah, nescaya Allah akan memberi petunjuk kepada hatinya. dan Allah maha mengetahui segala sesuatu
(At-Tagabun:11)*



KELULUSAN LESEN PERNIAGAAN “24 JAM”

Lulus Lesen Perniagaan “24 jam” merupakan salah satu program transformasi MPKK terhadap penambahbaikan sistem dan proses kerja. Kelulusan ini diberi “24 jam” berdasarkan kepada pematuhan ke atas syarat-syarat asas yang telah ditetapkan.

Penambahbaikan ini telah menyelesaikan beberapa masalah atau isu terhadap tempoh kelulusan yang agak lama. Pengeluaran lesen serta merta ini dapat meningkatkan integriti peniaga kecil dan mereka dapat menjalankan perniagaan dengan mudah dan kos dapat dikurangkan. Hasilnya, MPKK berjaya meningkatkan ekonomi dan pendapatan penduduk Kulim.



KAUNTER PERKHIDMATAN PELANGGAN

Majlis Perbandaran Kulim telah membuat penyusunan dan pengubahsuaian semula kaunter perkhidmatan pelanggan. Hasil daripada itu, semua kaunter yang sebelum ini terpisah telah ditempatkan bersekali iaitu Kaunter Aduan, Pelesenan, Kompaun, OSC/Bangunan, Sewaan, Kutipan Cukai dan Kaunter Bayaran telah diwujudkan.

Pengubahsuaian ini turut menyediakan beberapa kemudahan tambahan seperti bilik perbincangan, televisyen, minuman ringan, alat penghawa dingin dan beberapa kemudahan lain. Bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik, kemudahan kepada golongan OKU turut disediakan seperti kemudahan tempat letak kereta.

Waktu operasi bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Ahad hingga Rabu, manakala pada hari Khamis bermula jam 8.00 pagi hingga 3.30 petang. Adalah diharapkan dengan penambahbaikan ini akan meningkatkan kecekapan pengurusan pihak Majlis kepada pelanggannya.



Kaunter OSC/Bangunan

“Kepuasan Pelanggan Keutamaan Kami”



MPKK Johan Dan Naib Johan

Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif Peringkat Negeri Kedah

Kumpulan PUMA telah menyandang tempat pertama Kategori Teknikal dengan tajuk "Penambahbaikan Pembersihan Scupper Drain (Parit Erong)", sempena Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Ke-22 Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Kedah Darul Aman pada 20 September 2010 bertempat di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman. Kumpulan PUMA telah melayakkan diri ke peringkat Kebangsaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di Putrajaya, Kuala Lumpur pada 26 hingga 28 Oktober 2010.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd Puat bin Haji Mohd Ali. Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.



Alat SMP4 ini dicipta untuk membersihkan 'scupper drain' dalam Bandar Kulim yang berjumlah 3200 unit, yang mana telah meningkatkan masa dan kos operasi anggota MPKK. Hasil daripada inovasi ini Kumpulan KIK telah berjaya mempercepatkan masa operasi kepada 1 jam, secara tidak langsung dengan penciptaan alat ini telah meningkatkan budaya kerja anggota MPKK.

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF PERKHIDMATAN AWAM



Manakala Kumpulan Transformer telah merangkul Naib Johan bagi kategori pengurusan dengan tajuk "Kelulusan Pelan Bangunan Tambahan 24 Jam". Kumpulan ini terdiri daripada anggota daripada Jabatan Bangunan

Kejayaan Kumpulan KIK telah menjadi pendorong kepada Majlis Perbandaran Kulim menubuhkan Kelab Inovasi. Pihak pengurusan atasan turut memberi sokongan dan dorongan sejajar dengan tema 'Integrity, Speed and Quality Towards Excellence'

"All good performance starts with clear goals"
-anonymous

Perhimpunan Bulanan Anggota



Perhimpunan bulanan anggota Majlis Perbandaran Kulim Kedah merupakan salah satu program yang diadakan pada setiap hari Isnin minggu pertama pada setiap bulan. Perhimpunan bulanan ini diadakan adalah bertujuan menyampaikan amanat oleh Tuan Yang Dipertua. Majlis Perbandaran Kulim kepada semua anggota disamping dapat mengeratkan lagi ukhwah antara anggota dan pihak pengurusan.

Pada perhimpunan bulanan ini, Ahli Majlis turut sama menjayakan program ini dan berpeluang mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa Majlis Perbandaran Kulim.

Majlis ini turut diselitkan beberapa agenda seperti pemakluman program sepanjang bulan, pengiktirafan, pembacaan ikrar dan lain-lain penghargaan kepada anggota.



Genap 1hb September 2010, perkhidmatan En Abdul Latiff bin Abdul Wahab sebagai anggota MPKK telah mencapai umur persaraan iaitu 58 tahun. Berjawatan R4 dan berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Bandar. Beliau telah berkhidmat di MPKK selama hampir 30 tahun.

Majlis ringkas yang telah diadakan kepada beliau sebagai menghargai jasa beliau kepada MPKK. Majlis turut dihadiri oleh Ketua Jabatan/Ketua Bahagian, beberapa ahli MBJ dan anggota.

Jasamu Dikenang



Tuan Yang Dipertua menyampaikan cenderahati kepada En. Abd Latiff bin Abd Wahab

Perkhidmatan Bandar.

Tuan Yang Dipertua, En Harun bin Jasin telah menyampaikan Cek Gantian Cuti Rehat (GSCR) dan cenderahati kepada beliau. Majlis merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan mengucapkan "SELAMAT BERSARA" dan terus maju jaya.

*Sesungguhnya
Allah menyuruh kamu
supaya menyerahkan segala
jenis amanah kepada ahlinya
(yang berhak menerimanya). —*

An-Nisa ayat : 58

HARI BERTEMU PELANGGAN

Majlis Perbandaran Kulim sentiasa memberikan perkhidmatan yang cekap dan memastikan keberkesanannya sistem penyampaian terhadap perkhidmatannya kepada pelanggan. Hari Bertemu Pelanggan merupakan program transformasi MPKK dalam usaha penambahbaikan terhadap sistem dan proses kerja yang lebih effisen.

Program Hari Bertemu Pelanggan diadakan pada hari Ahad minggu terakhir setiap bulan merupakan satu pendekatan secara holistik untuk menawarkan perkhidmatan melalui interaksi dan perhubungan antara Majlis Perbandaran Kulim dan masyarakat Kulim khususnya. Program ini telah diadakan dibeberapa lokasi yang strategik seperti di Bandar Kulim dan Padang Serai.

Program ini turut menawarkan pelbagai aktiviti seperti pertandingan gubahan, mewarna dan promosi oleh peniaga-peniaga kecil. Aktiviti tersebut telah menarik pelanggan menjayakan program ini. Diharapkan dengan adanya program seperti ini hubungan antara MPKK dan masyarakat dapat ditingkatkan secara berterusan.



Pameran orkid sempena 'Kulim Flora Fest 2010'



Kiri : Pelanggan sedang mendengar penerangan daripada pegawai MPKK.



Pelanggan yang datang adalah dari pelbagai bangsa



Kemudahan ruang pameran disediakan kepada agensi yang mengambil bahagian



Pertandingan mewarna yang disertai oleh kanak-kanak dari pelbagai Tadika/Taska daerah Kulim



Pemeriksaan kesihatan oleh pegawai Kementerian Kesihatan

Transformasi Budaya Kerja

Perubahan ‘Mindset’ yang berteraskan kepada nilai dan kepercayaan yang murni adalah pra syarat bagi kejayaan sesebuah organisasi. Sehubungan dengan itu, MPKK telah menjadi ejen perubahan. Konsep ini telah menjadi agenda utama dalam menjadikan Majlis Perbandaran Kulim sebuah organisasi cemerlang.

Dengan adanya, peningkatan budaya kerja tersebut pelbagai program turut didedahkan ke pelbagai peringkat anggota. Majlis Perbandaran Kulim telah mengadakan pelbagai program kearah peningkatan pembangunan anggota. Tuan Yang Dipertua telah mengendalikan sendiri bengkel-bengkel yang telah diadakan dan turut dibantu oleh beberapa Ketua Bahagian tertentu.



Peserta bengkel terdiri daripada pelbagai Jabatan/Bahagian

Pengurusan Perbelanjaan Berhemah



Kerja-kerja pembinaan dilakukan sendiri oleh anggota MPKK



Tanaman pokok sepanjang laluan Jalan Kelang Lama



Binaan jambatan ke Laluan Tapak Pelupusan Sampah

Bagi meningkatkan pengurusan perbelanjaan berkesan, perbelanjaan hanya diberi kepada kerja-kerja yang merupakan projek yg berisiko rendah tetapi memberi impak yang maksima. Oleh itu bagi memastikan sasaran tersebut tercapai, setiap perbelanjaan perlu mendapat persetujuan Tuan Yang Dipertua terdahulu.

Antara projek yang telah dilaksanakan seperti pembinaan jambatan di Tapak Pelupusan Sampah, Kilang Baru dan pembangunan projek penanaman pokok di Jalan Protokol dan Jalan Utama.

Kerja-kerja tersebut dilakukan secara dalaman iaitu yang melibatkan keupayaan dan kepakaran anggota MPKK. Hasilnya, kos dapat dijimatkan, pelaksanaan kerja lebih cepat dan produktiviti anggota dapat ditingkatkan,

Impak daripada pengurusan perbelanjaan yang berhemah telah memberi manfaat kepada seluruh warga Kulim dan meningkatkan imej Bandar Kulim

-anonymous

"When you stop learning, you stop growing"

Landskap Jalan Protokol Dan Jalan Utama

Terdapat 4 Jalan Protokol iaitu Jalan BKE-Kilang Lama, Jalan Kulim -Kilang Lama, Jalan Balai Polis Lama-B.Mertajam dan Jalan Kilang Lama -Persimpangan Tmn. Merak. Juga 7 Jalan Utama iaitu Jalan Lencongan Barat, Jalan Paya Besar , Jalan KIE-BKE, Jalan Kulim – Sg. Ular, Jalan Hospital, Jalan Pondok Labu – Taman Selasih dan Jalan Sg. Lembu - Keladi

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis telah meningkatkan pembangunan landskap di bahu jalan, pembahagi jalan dengan tanaman pokok seperti ‘foxtail palm’ yang berjumlah 410 pokok di sepanjang BKE ke Kelang Lama, Kelang Lama ke Kulim dan Kulim ke Bukit Mertajam. Kerja-kerja penanaman tersebut telah dilaksanakan oleh anggota MPKK, tanpa menggunakan sumber-sumber dari luar. pihak Majlis telah mensasarkan lebih 1100 pokok dan dijangka dapat dilaksanakan sehingga akhir tahun ini.



Pencabayaan Bandar

Dalam usaha meningkatkan kemudahan dan keceriaan bandar Kulim sebagai sebuah bandar yang maju, MPKK telah melaksanakan projek pemasangan lampu-lampu hiasan di sepanjang Jalan Protokol dan sekitar kawasan perniagaan.

Bagi meningkatkan lagi program pencabayaan bandar Kulim, penglibatan pihak swasta agensi-agensi kerajaan, serta premis-premis perniagaan seperti stesen minyak, restoran adalah digalakkan.

Pelaksanaan pengindahan Bandar Kulim adalah tanggungjawab bersama.

Pemasangan lampu-jalan sepanjang Jalan Protokol dan Jalan Utama



Pembangunan Usahawan

Dalam usaha meningkatkan ekonomi penduduk Kulim, khususnya peniaga-peniaga kecil yang melebihi jumlah 2000 peniaga. Pihak Majlis telah mewujudkan Unit Pembangunan Usahawan bagi membantu peniaga dan usahawan mendapatkan maklumat.

Majlis turut membantu peniaga mengenalpasti lokasi yang sesuai untuk menjalankan perniagaan, cara penyediaan perkakasan dan tatacara pengurusan perniagaan yang baik. Kelulusan lesen "24 Jam" akan dikeluarkan kepada peniaga yang telah mematuhi syarat-syarat asas yang telah ditetapkan.

Selain itu, Dataran Usahawan telah diwujudkan bagi memberi peluang kepada peniaga mendapatkan maklumat dan mempromosikan perniagaan mereka. Majlis turut menyediakan lokasi seperti 'uptown' sedang dijalankan pada setiap malam bertempat di tapak MARA, Kelang Lama.

Majlis Perbandaran Kulim berharap dapat memberi peluang kepada peniaga kecil yang baru memulakan perniagaan dan diharap dapat mengurangkan jenayah dan aktiviti sosial yang tidak bermoral.



Pameran orkid sempena 'Kulim Flora Fest' pada 25/10/2010, bertempat di Dataran Usahawan



Pelbagai jenis kuih tradisional turut dipasarkan sempena Program Keusahawanan pada 16/10 - 3/11/2010 di Dataran Usahawan



Tuan Yang Dipertua bersama Pegawai MPKK didalam Mesyuarat Pelan Strategik Perniagaan yang diadakan pada 11/10/2010 bertempat di Bilik Gerakan, MPKK.



Dialog bersama Tuan Yang Dipertua dan Peniaga Burger pada 13/10/2010 di Bilik Gerakan, MPKK

"9/10 rezeki itu adalah datang dari pada perniagaan"

-Hadis riwayat Tirmizi

Program LA-21

Pelajar Sek Keb Junjong juga turut mengambil bahagian



Kerja-kerja pembersihan sedang dijalankan



Sekitar kawasan yang telah dibersihkan

Kulim Sejahtera

Jagalah kebersihan alam sekitar kita

Gotong royong bersama masyarakat


Gotong Royong Rakyat (G2R) Anjuran PIBG Sekolah Kebangsaan Junjong dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kulim telah diadakan pada 14/10/2010 di sekitar kawasan Sekolah dan sekitar sempadan Junjong, Kedah dan Pulau Pinang.

Turut menjayakan program gotong royong ini adalah En Othman bin Don, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kulim, E-Idaman, Majlis Ketua Komuniti (MKK), waris pelajar dan pelajar Sek Keb. Junjong Khususnya.

Program gotong royong tersebut telah dirasmikan oleh En Harun bin Jasin Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulim. Dalam ucapan beliau, Tn YDP menyarankan supaya program gotong royong ini harus diteruskan dari masa ke semasa. Bagi mengeratkan hubungan antara MPKK dan masyarakat Kulim dan Majlis akan sentiasa memberi sokongan bagi mencapai matlamat tersebut.

" Gotong-royong ini telah memberi impak yang amat besar memandangkan kawasan Junjong merupakan salah satu pintu masuk ke Kedah khususnya Kulim. Dengan adanya gotong-royong seperti ini akan menjadikan Kulim lebih bersih dan selamat."

En. Osman bin Abdullah,
Pengetua Sek. Keb. Junjong



" Sambutan daripada penduduk amat menggalakkan, dengan adanya program seperti ini telah meningkatkan semangat kerjasama dan disamping dapat mengekalkan alam sekitar dengan bersih dan selamat."

En Abdul Manaf bin Osman,
JKKP Junjong



En Harun b Jasin memberi ucapan dan merasmikan program gotong royong tersebut


“SAVE THE NATURE FOR FUTURE GENERATION”

Program “Save The Nature For Future Generation” telah lama diperkatakan, malahan program tersebut telah mendapat perhatian di seluruh pelusuk dunia. Pelbagai program telah dilaksanakan ke arah menjaga bumi kita dan persekitaran alam semulajadi yang indah.

Majlis Perbandaran Kulim tidak ketinggalan dalam merealisasikan program ini dan sebagai sebuah organisasi yang memberikan perkhidmatan kepada masyarakat turut dipertanggungjawabkan dalam mempromosi kegiatan sosial kepada warga Kulim khususnya. Selaras dengan pembangunan Kulim yang sedang pesat membangun, Majlis Perbandaran Kulim tetap menekankan aspek-alam semulajadi.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan seperti kobalarasi dengan agensi swasta, dengan mengadakan mengadakan gotong-royong (dibawah LA21 - Program Kemasyarakatan), Kempen tanam pokok dan mengadakan ceramah-ceramah motivasi tentang pentingnya menjaga alam sekitar(di bawah Program Pendidikan).

MPKK akan sentiasa meningkatkan pemeliharaan alam sekitar dan mengekalkan khazanah semulajadi kepada generasi akan datang.



Encik Harun bin Jasin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim telah dijemput untuk memberikan ceramah motivasi bertajuk **Pemanasan Global - Impak Kepada Alam Sekitar** sempena Program **“Care For Earth 2010 - Save Our Ozone”** yang dianjurkan oleh Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Kulim, pada 28 September 2010, bertempat di Dewan Muad’zam, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim.

Para peserta terdiri daripada pelajar sekolah rendah, pelajar Politeknik Sultanah Bahiyah, pensyarah, guru dan anggota perkhidmatan awam.

Beliau telah menyarankan kepentingan menjaga bumi dan alam sekitar kita bagi memastikan kelestarian generasi akan datang.





Kulim Inn

Pilihan penginapan anda

Hubungi:

Kulim Inn
Jalan Bukit Awi,
09000 Kulim, Kedah,
Darul Aman.

No Telefon : 04-4900420
No Fax : 04-4943807



Aduan Awam

Salurkan aduan anda kepada kami melalui :



Hotline:
1800 88 0428



Fax :
04-4901443



Sistem Online
<http://aduan.mpkk.gov.my>



Emel :
info@mpkk.gov.my